

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/06/11 - 76

TAMBAHAN MASA PENGEMUKAAN BORANG CUKAI SEHINGGA 31 JULAI 2021 BAGI PEMBAYAR CUKAI YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN (TAHUN TAKSIRAN 2020)

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa tambahan masa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) bagi kategori pembayar cukai yang **menjalankan perniagaan** bagi Tahun Taksiran 2020 diberikan sehingga 31 Julai 2021.
2. Tambahan masa ini melibatkan kategori Individu, Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran), Individu Bukan Pemastautin, Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan), Perkongsian, Pertubuhan, Harta Pusaka dan Keluarga Sekutu Hindu.
3. Inisiatif ini diambil selaras dengan usaha kerajaan meringankan beban pembayar cukai setelah mengambil kira kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan tanggungjawab untuk mengemukakan BNCP berikutan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'Total Lockdown'. Pembayar cukai digalakkan untuk menggunakan sepenuhnya perkhidmatan dalam talian melalui platform ezHASiL bagi tujuan pengemukaan BNCP.

4. Bagi kategori Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Unit Amanah / Amanah Harta Tanah, Koperasi, Badan Amanah, Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta dan Amanah Perniagaan bagi Tahun Taksiran 2020 dan Tahun Taksiran 2021, tambahan masa akan dikekalkan seperti yang dinyatakan pada Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2020 dan 2021. Program Memfail Borang Nyata ini boleh dicapai dan dimuat turun menerusi www.hasil.gov.my > Borang > Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2020 dan 2021.
5. Pembayar cukai juga boleh merujuk Soalan Lazim Berkaitan Urusan Percukaian Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (Frequently Asked Questions - FAQ) berkaitan perkara ini dan lain-lain urusan percukaian. FAQ ini boleh dicapai melalui pautan berikut:
- i. Versi Bahasa Melayu:
http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_pkp3_1.pdf
 - ii. Versi Bahasa Inggeris:
http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_pkp3_2.pdf
6. Sebarang pertanyaan atau maklum balas mengenai perkara ini boleh diajukan kepada LHDNM melalui:
- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
 - b) HASiL Live Chat; dan
 - c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas
<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-MY/>

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 3



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 11 Jun 2021



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube